

## 1.1 PERMODALAN RISDA BERHAD (PRB)

PRB ditubuhkan pada 15 November 1994 sebagai syarikat yang bertanggungjawab menguruskan dana-dana RISDA, pembiayaan peribadi, pemfaktoran, pusat data dan ICT. PRB Grid Technology Solutions Sdn Bhd (PRB GTS) merupakan sebuah anak syarikat Permodalan RISDA Berhad.

### 1.1.1 AKTIVITI UTAMA PRB

Aktiviti utama PRB tahun 2021 telah menjana pendapatan syarikat sebanyak RM12,772,161. Aktiviti-aktiviti utama adalah dari aktiviti berikut:

#### i. PEMFAKTORAN DAN PEMBIAYAAN KONTRAK

Pembiayaan pemfaktoran merupakan aktiviti pendahuluan tunai dengan segera yang diberikan kepada kontraktor yang mendapat kontrak daripada kerajaan atau syarikat milik kerajaan (GLC). Ianya menerusi proses menjual invois syarikat tersebut kepada PRB bagi mendapatkan pendahuluan tunai 80% dari jumlah kontrak yang diterima.

Pembiayaan pemfaktoran PRB juga menyediakan kemudahan tambahan seperti *Bank Guarantee* (BG), *Letter of Credit* (LC) dan Pembiayaan Kontrak (*Contract Financing*). Kesemua kemudahan ini mematuhi Syariah melalui konsep Bai Ad Dyn dan Bai Al Innah dan PRB kini merupakan *One Stop Centre* bagi pembiayaan pemfaktoran.

Aktiviti pemfaktoran telah menyumbang 42.38% daripada keseluruhan pendapatan PRB iaitu sebanyak RM6,711,712.

#### ii. AKTIVITI KHIDMAT PENGURUSAN

- Yuran Pengurusan Pelaburan Dana
- Yuran Pentadbiran Tabung Pembiayaan

Aktiviti Khidmat Pengurusan seperti tabung pembiayaan adalah merupakan aktiviti pindah urus daripada RISDA kepada PRB semenjak tahun 1996. Kemudahan tersebut adalah berbentuk pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer disediakan kepada semua staf

RISDA. Setakat Disember 2021 aktiviti tersebut telah menyumbang 28.58% atau RM3,650,178 daripada keseluruhan pendapatan syarikat.



Rajah 1.1.1 'Learning Day' bersama Unit Integriti & PSM RISDA pada 20 Disember 2021

iii. **JUALAN SERVER, PENYEDIAAN PUSAT DATA DAN ICT**

PRB GTS sebagai anak syarikat PRB yang menjalankan perniagaan ICT dan Pusat Data serta Pemulihan Bencana (*DRC*) secara berpusat untuk agensi kerajaan dan juga swasta. Aktiviti ini juga melibatkan pembangunan proses virtualisasi seperti *Virtual Desktop Infrastructure* (VDI). Perniagaan ini telah menyumbang pendapatan sebanyak 11.88% iaitu RM1,517,885.

iv. **PEMBIAYAAN PERIBADI DAN STAF**

- Keuntungan Pembiayaan Staf PRB
- Keuntungan Pinjaman Peribadi

Semenjak tahun 2007, kemudahan berbentuk Pembiayaan Peribadi disediakan kepada semua staf RISDA dan staf syarikat milik RISDA . Aktiviti perniagaan ini telah menjana pendapatan sebanyak 20.58% atau RM2,628,273 daripada jumlah pendapatan keseluruhan.

**v. PELABURAN DANA**

- Keuntungan Pasaran Wang
- Keuntungan Pelaburan Saham
- Dividen Saham
- Caj Kendalian Saham

Aktiviti pengurusan dana milik RISDA dan SMR masih diurus oleh PRB semenjak ianya ditubuhkan di mana dana-dana tersebut dilabur melalui aktiviti pelaburan pasaran wang. Setakat akhir Disember 2021, sebanyak 0.05% iaitu RM6,630 daripada jumlah keseluruhan pendapatan PRB telah disumbangkan menerusi Aktiviti Pelaburan Dana.

**1.1.2 SUMBANGAN PRB TAHUN 2021**

Tiada sumbangan yang diberikan oleh PRB pada tahun 2021 berikutan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara dan Proklamasi Darurat yang telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 12 Januari 2021 telah menyukarkan PRB untuk melakukan aktiviti-aktiviti khidmat sosial (CSR).

**1.1.3 PENCAPAIAN & KEJAYAAN TAHUN 2021**

- i. Tiada kejayaan atau pencapaian